

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
KONVOKESYEN UNIVERSITI KEBANGSAAN
MALAYSIA DI DEWAN JAMUAN BANGUNAN
PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 8HB JUN

Hadirin yang mulia.

Sekali lagi kita berhimpun di Dewan yang mulia ini untuk bersama-sama dengan seluruh keluarga Universiti Kebangsaan Malaysia menyambut hari yang berbahagia bagi mereka khususnya bagi para siswazah yang menerima ijazah masing-masing hari ini.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas hidayah dan inayahNya menunjukkan kita sekalian kepada jalan yang benar dan memberkati segala usaha kita yang semata-mata bertujuan untuk membawa kebaikan bagi nusa dan bangsa. Mudah-mudahan Allah akan terus memberikan kita taufikNya dan mencururkan rahmat serta memelihara kita dalam keadaan aman damai dan bahagia.

Inilah kali yang kedua Universiti Kebangsaan Malaysia yang masih muda umurnya mengadakan majlis Konvokesyen bagi para siswazahnya. Pada hari yang berbahagia ini kita sama-sama bergembira bahawa Universiti Kebangsaan mendapat penghormatan dan berbakti kepada seorang tokoh wilayah Nusantara, bahkan beliau adalah seorang ahli falsafah Islam zaman moden yang banyak memberikan sumbangan kepada ilmu pengetahuan dan kesusasteraan yang bernilai tinggi. Sebenarnya Prof. Dr Haji Abdul Malik Karim Amarullah atau lebih terkenal Hamka adalah kebanggaan seluruh Nusantara dan juga dunia Islam di zaman kita ini. Saya dengan rasa penuh tawaduk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan pujian kepada beliau sambil berdoa semoga Allah panjangkan usianya untuk terus berbakti.

Hadirin yang mulia.

Saya sangat berbesar hati atas perkembangan dan kemajuan Universiti Kebangsaan selama setahun lalu baik dari aspek pembangunan fizikal dan juga dari hasil tenaga manusia terlatih yang telah lulus. Pada tahun lalu, kita telah bersama-sama menyaksikan di Dewan ini peristiwa bersejarah iaitu penyampaian

ijazah kepada kumpulan pertama siswazah yang telah lulus dari Universiti ini. Mereka ini telahpun melanjutkan pengajian masing-masing untuk melayakkan diri bagi ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian atau Honours dan antaranya, seperti kita sama-sama maklum, seramai lima orang mendapat Kelas Pertama. Kejayaan mereka itu tentulah menjadi kebanggaan bukan saja bagi mereka bahkan juga bagi seluruh keluarga Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dengan berhasilnya kumpulan pertama siswazah kepujian ini, bolehlah dikatakan Universiti Kebangsaan meningkat kepada kematangan. Bagaimanapun, kita sedar bagi sesuatu Universiti tiadalah hanya memadai dengan kemajuan dari segi akademik saja bahkan perlu pula keseimbangan dari aspek-aspek lain. Saya telah memberi persetujuan atas penyusunan semula Jemaah dan Majlis Universiti ini dan melantik beberapa orang tokoh terkemuka yang mempunyai azam dan dedikasi untuk memimpin Universiti ini ke mercu yang lebih tinggi. Saya yakin dan penuh harapan kerjasama anggota-anggota Jemaah dan Majlis dengan pentadbiran dan anggota akademik akan sentiasa dikekalkan demi kemajuan dan keutuhan Universiti ini pada masa hadapan.

Hadirin yang mulia.

Kita sedia maklum bahawa matalamat pendidikan ialah semata-mata untuk kepentingan pembangunan bangsa dan negara khasnya cita-cita membina bangsa Malaysia yang berkebudayaan, berhaluan dan teguh bersatu. Dasar Pelajaran Kebangsaan kita yang berlandaskan bahasa penyatuan iaitu Bahasa Malaysia adalah landasan yang sebaik-baiknya bagi mencapai matalamat ini dengan berpandukan prinsip-prinsip Rukunegara. Bagaimanapun, adalah penting dan mustahak bagi kita melihatkan agar pelaksanaan dasar ini berjalan dengan imaginative dan saksama, serta disesuaikan dengan hakikat negara kita yang berbilang bangsa.

Saya penuh yakin bahawa sistem pendidikan yang ada sekarang ini menjamin kehendak semua pihak yang berkenaan dan menjaga kepenlingan masing-masing terutama warisan kebudayaan warganegara yang berlainan rumpun bangsa. Oleh itu saya rasa tidaklah kena pada tempatnya tindakan-tindakan yang sebenarnya berpunca daripada rasa curiga dan syak wasangka yang sengaja ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu. Tindakan-tindakan seperti itu boleh

merupakan ancaman terhadap keselamatan negara andaikata dipergunakan pula oleh anasir-anasir anti-nasional untuk menjalankan jarum politik mereka.

Dalam hubungan inilah saya merasa perlu menekankan betapa mustahaknya kita menjaga persefahaman sistem pelajaran itu supaya tidak menyeleweng dan benar-benar mengikut landasan yang ditentukan itu. Terutama sekali di peringkat pengajian tinggi, amatlah penting bagi mereka yang mendapat munafaat daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan menggunakan peluang itu sebaik-baiknya agar dapat pula mereka memberikan sumbangan kepada hasrat dan cita-cita negara.

Hadirin yang mulia.

Dalam lawatan saya ke negara Republik Rakyat China baru-baru ini, saya berpeluang melawat salah sebuah pusat pengajian tinggi yang terkemuka di sana iaitu Tsinghua University di Peking. Meskipun kita mempunyai sistem pentadbiran dan social structure yang berlainan, namun kita boleh mengambil pengajaran dari pengalaman mereka iaitu pendidikan hendaklah memenuhi cita-cita politik rakyat. Bagi kita di Malaysia ini, matalamat cita-cita ini adalah juga sama, hanya dalam context rakyat negara kita yang berpegang pada demokrasi dan berpandu kepada Rukunegara, Walaupun antara kita dengan mereka mempunyai cita-cita yang tidak berbeza, tetapi kita harus mengambil jalan yang berlainan sesuai dengan watak dan keperibadian negara kita sendiri.

Berpaling pada keadaan di Universiti Kebangsaan Malaysia, hari ini terdapat hampir-hampir 2,200 orang mahasiswa dalam semua fakulti, termasuk Fakulti Perubatan dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan yang baru ditubuhkan. Ini tidak syak lagi adalah satu perkembangan yang pesat mengingat bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia baru memasuki tahun kelima. Bagaimana pun sukaiah saya memberikan pandangan tegas bahawa kemajuan pada segi jumlah tidaklah bermakna apa-apa kalau tidak terdapat mutu atau quality yang bernilai di kalangan mahasiswa kita.

Lazimnya pada masa perlumbaan mencari career, mahasiswa terlalu menitikberatkan pelajaran semata-mata dan mengabaikan hal-hal lain yang tidak kurang penting dalam kehidupan kampus dan sebagai mahasiswa dalam ertikata sepenuhnya. Saya ingin melihat mahasiswa kita amnya mempunyai watak yang ideal dalam semua bidang tegasnya: *intellectually and physically fit and with*

high morals—tajam otak, jasmani yang sihat dan susila yang tinggi supaya benar-benar mencerminkan manusia yang intelek dan budaya—intellectual and cultured.

Saya rasa tidaklah terlalu sukar bagi seorang mencapai objektif ini asal saja dia sentiasa ingat bahawa pendidikan mempunyai tujuan tertentu atau purposeful dan sebagai pelopor zaman pembaharuan dia hendaklah mempunyai motivation dan dedikasi. Inilah yang saya harapkan dari mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia ini khasnya mereka yang baru saja melangkah ambang pintu gedung pengetahuan ini.

Hadirin yang mulia.

Akhir kata, sukalah saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan terimakasih kepada anggota-anggota Majlis dan para guru Universiti Kebangsaan Malaysia atas usaha dan sumbangan mereka mencatatkan kejayaan-kejayaan cemerlang selama tahun inf. Saya juga mengucapkan terimakasih kepada bekas Naib-Canselor, Datuk Dr Ariffin Marzuki, yang telah berkhidmat membimbing Universiti Kebangsaan ini hingga beliau menamatkan perkhidmatannya tidak lama dahulu.

Seterusnya, saya mengucapkan tahniah kepada para siswazah yang menerima ijazah mereka hari ini dengan harapan semoga siswa yang lain-lain mendapat inspirasi daripada kejayaan mereka itu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Universiti Kebangsaan Malaysia ini akan bertambah maju dan mengukirkan sejarah yang gilang-gemilang berbakti kepada negara Malaysia yang dicintai ini.